



PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
PASCA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)  
DAN  
FASA PERALIHAN KE ENDEMIK  
PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH (PNS)**

---

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
PASCA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DAN  
FASA PERALIHAN KE ENDEMIK  
PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH (PNS)**

---

**1. PENGENALAN**

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini disediakan untuk menjelaskan tentang tatacara pelaksanaan operasi Perpustakaan Negeri Sabah (PNS) dan perpustakaan yang di bawah seliaan PNS sebagai panduan untuk menjalankan perkhidmatan semasa pasca Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Fasa Peralihan ke Endemik.

**2. SKOP**

Skop ini diguna pakai untuk semua pengguna yang ingin memasuki bangunan perpustakaan di:

- 2.1 Ibu Pejabat, Perpustakaan Negeri Sabah
- 2.2 Cawangan Perpustakaan Negeri Sabah
- 2.3 Perpustakaan Desa di bawah seliaan PNS/Bergerak/Desa@net

**3. PELAKSANAAN**

**3.1 Imbasan Kod QR**

Imbasan kod QR dan pemeriksaan suhu badan **DIMANSUHKAN**.

**3.2 Pemakaian pelitup muka**

- i. Pemakaian pelitup muka adalah pilihan (*optional*) apabila berada di dalam bangunan (*indoor*) namun **AMAT DIGALAKKAN** untuk memakai pelitup muka.
- ii. Pemakaian pelitup muka adalah **DIWAJIBKAN** bagi individu yang disahkan positif COVID-19.
- iii. Individu yang berumur 12 tahun dan ke bawah dibenarkan untuk memasuki ruang perkhidmatan kanak-kanak. Iubapa atau penjaga hendaklah bertanggungjawab terhadap tanggungan masing-masing.
- iv. Pemakaian pelitup muka amat digalakkan bagi individu berikut:
  - a) Individu bergejala seperti demam, batuk dan selesema.
  - b) Individu berisiko tinggi seperti warga emas, individu berpenyakit kronik dan imuniti rendah, ibu mengandung dan kanak-kanak.

### 3.3 **Status vaksinasi**

Kemasukan individu ke mana-mana premis Perpustakaan Negeri Sabah adalah dibenarkan **tanpa mengira status vaksinasi** mereka.

## 4. **PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH**

4.1 Mengikut waktu perkhidmatan perpustakaan seperti yang ditetapkan.

4.2 **TIADA** had jumlah pengguna perpustakaan ditetapkan pada satu-satu masa.

4.3 Penjarakan sosial perkhidmatan:

(a) **TIADA** penjarakan kepada susun atur kerusi dan meja pengguna di ruang perkhidmatan.

(b) Penjarakan fizikal di antara individu atau kumpulan adalah **TIDAK PERLU**.

4.4 Perkhidmatan kaunter rujukan, pinjaman bahan perpustakaan dan pemulangan buku adalah beroperasi seperti biasa.

## 5. **PROGRAM/AKTIVITI PERPUSTAKAAN**

Segala program/aktiviti berbentuk perhimpunan **DIBENARKAN** tertakluk kepada arahan terkini kerajaan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Peralihan ke Endemik.

## 6. **KEMUDAHAN KANTIN DAN SURAU**

Kemudahan kantin dan surau beroperasi seperti biasa.

## 7. **MEMPAMERKAN SOP/GARIS PANDUAN UNTUK PENGGUNA DAN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN**

Menyedia dan mempamerkan SOP/garis panduan “Do” dan “Dont’s” di kawasan strategik perpustakaan untuk panduan pengguna dan kakitangan mengenai langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19.

## 8. **PENUTUP**

SOP ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut perubahan dan keperluan baharu dalam kawalan jangkitan COVID-19 selaras SOP yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan.

Tarikh kemaskini: 1 November 2022